

# AP Potong Pasir akan rasmikan kelas kursus bersilat

ANGGOTA Parlimen Kawasanundi Potong Pasir, Enck Ivan Baptist, akan merasmikan penutupan Kelas Kursus Bersilat, di Balai Rakyat Semneti pada jam 6.30 petang ini.

Kursus ini, yang telah dimulakan kira-kira sebulan lalu, mempunyai anggota seramai 90 orang. Kebanyakannya adalah para belia yang berumur lebih 10 tahun.

Instruktur untuk kursus ini ialah Enck Suni Rabi, seorang ahli silat yang terkenal di sini. Dia dibantu oleh Enck Ismail.

Menurut seorang jurucakap pengelola kursus ini, latihan akan dijalankan pada tiap-tiap hari Isnin dan Jumaat, mulai jam 7.00 malam.

## Utk ramai

Kursus ini terbuka kepada belia-belia yang tinggal di daerah Potong Pasir dan kawasan-kawasan sekitarnya. Ia dianjurkan sebagai satu langkah Jawatan Kuasa Pengurus Balai Rakyat Semneti menyediakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk para belia di kawasan itu.

Selepas upacara penutupan itu, ahli-ahli kursus silat itu dijangka mempertahankan kecakapan mereka. Sesapa yang berminat untuk mengikuti kursus itu diminta berhubung dengan pegawai di Balai Rakyat tersebut.

Sementara itu, Potong Pasir telahpun memilih seramai 18 orang pemain sepak-takraw, untuk mengikuti latihan sebagai persiapan Kejuaraan Antara

# Dua Keuntungan boleh dapat dalam kegiatan2 riadah berfaedah—Baptist

## KEGIATAN-KE-RIADAH

yang berfaedah dan terkawal bukan saja akan mendatangkan kebaikan pada fiskal seseorang malah akan memberi kesm yang baik untuk kecerdasan pemikiran mereka, demikian 'menyap' pendapat Enck Ivan Baptist, Anggota Parlimen Kawasanundi Potong Pasir.

Enck Ivan Baptist berkata demikian ketika merasmikan Kursus Bersilat, anjuran Jawatankuasa Pengurus Balai Rakyat Semneti, di Balai Rakyat tersebut malam semalam.

"Tanpa kegiatan yang berfaedah seperti kursus silat ini, maka masa yang terluang tidak digunakan dengan sebaik-baiknya, terutama sekali untuk para belia," jelas Enck Ivan.

"Tanpa kegiatan seperti ini, mungkin para belia tadi akan menocbarkan diri mereka atau terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak menguntungkan malah merugikan mereka dan juga negara."

Kursus Bersilat ini telah dimulakan sejak bulan lalu dan telah mendapat sambutan baik. Kira-kira 90 orang belia yang tinggal dalam kawasanundi Potong Pasir dan juga kawasan-kawasan sekitarnya telah menyertai.

## Kursus

Selanjutnya, Anggota Parlimen Potong Pasir itu menenangkan, "Dengan adanya kursus ini, para belia yang berkenaan dapat mendapat dan berpeluang menunjukkan

sihat ini akan membantu kecerdasan otak para peserta. Dengan itu, kemajuan mereka di bidang pelajaran lebih cerah lagi.

Dengan adanya kursus semupama ini juga, akan dapat mempertal hubungan persahabatan antara penduduk-penduduk Kawasanundi ini, dan dapat mewujudkan perasaan muhibbah yang sejati."

## Oleh Saparin Rasikin

berkata mereka. Saya percaya dalamsya yang singkat dengan berkat latihan yang gigih serta bakti yang ada, peserta-peserta kursus ini akan dapat menunjukkan kecekapan mereka yang baik" tambahnya.

Enck Ivan berharap peserta-peserta kursus ini akan dapat mencapai taraf kecekapan yang baik itu demi memperhatkan seni silat mereka dalam upacara pembukaan Balai Rakyat Semneti yang baru, yang dijangka akan siap dibina penghujung tahun depan.

Rancangan pembinaan balai rakyat baru ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang sebaik-baiknya kepada penduduk-penduduk Potong Pasir khususnya.

Dengan segala kelegakan yang sebaik ini, Anggota Parlimen Potong Pasir itu berharap, penduduk-penduduk kawasanundinya, terutama sekali para belianya akan menggunakan segala kemudahan itu dengan sebaik-baiknya.

Mengulas lebih lanjut tentang kursus ini, Enck Ivan menenangkan, kegiatan riadah yang